

Sabah nikmati kemajuan di bawah Dr Mahathir

KOTA KINABALU: Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Haji Ukim berkata, penduduk Sabah harus akui bahawa mereka telah menikmati pembangunan dan kemajuan pesat sejak lebih dua dekad lalu di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad (yang bersara pada Jumaat).

Bercakap kepada pemberita setibanya dari Kuala Lumpur pada Rabu, beliau berkata, sumbangan Dr Mahathir terhadap negara, khususnya Sabah, akan sentiasa dikenang oleh setiap penduduk di negeri ini.

Ini termasuk penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang dianggap sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi terbaik bukan sahaja di negara ini tetapi juga di Asia Tenggara, katanya.

Dr Mahathir juga bertanggungjawab membawa negara ini menghampiri era teknologi maklumat dan komunikasi, sejajar dengannya matlamat Wawasan 2020.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH